

24 DEC 1997

Gaji (Bergambar)

KAKITANGAN LIMA AGENSI KERAJAAN MOHON PELARASAN GAJI

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Kakitangan lima agensi berkanun kerajaan, yang kini menerima gaji lebih rendah daripada yang diperolehi kakitangan sektor awam lain, hari ini meminta Jemaah Menteri meluluskan segera pelarasan gaji mereka.

Seramai 10,050 kakitangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Tabung Haji, mendakwa mereka tidak menerima pelarasan gaji seperti yang diperolehi kakitangan awam mengikut Skim Saraan Baru (SSB) pada 1 Jan tahun lepas.

Rayuan mereka itu disampaikan dalam satu surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui Majlis Bersama Kesatuan Agensi Yang Diasingkan yang diketuai pengerusinya, Mohd Noor Abdullah.

Surat itu disampaikan kepada Pembantu Pegawai Tugas Khas Perdana Menteri, Dr Nuriah Moon di Jabatan Perdana Menteri di sini untuk diserahkan kemudiannya kepada Dr Mahathir yang kini bercuti.

Mohd Noor berkata pelarasan gaji itu tidak akan melibatkan peruntukan tambahan daripada kerajaan kerana kelima-lima agensi berkenaan memperolehi pendapatan sendiri, dan pembayaran pelarasan gaji mampu dikendalikan agensi masing-masing.

Mohd Noor berkata kakitangan agensi berkenaan tidak menerima pelarasan gaji seperti kakitangan awam mengikut SSB kerana mereka kini menerima gaji mengikut sistem yang berbeza selaras dengan status agensi sebagai badan berkanun.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

"Ini menyebabkan gaji kami kini jauh ketinggalan daripada gaji kakitangan di bawah SSB," katanya.

Mohd Noor berkata permohonan pelarasan gaji mereka telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang secara dasarnya meluluskan permohonan itu.

"Kini terpulang kepada jemaah menteri untuk meluluskannya.

"Kami tidak bercadang untuk berpiket mengenai hal ini kerana percaya ia dapat diselesaikan dengan cara perundingan," katanya.

Dalam surat kepada Perdana Menteri itu, beliau menyatakan bahawa kakitangan lima agensi berkenaan mengalami kejatuhan moral untuk bekerja kerana merasakan kebajikan mereka diabaikan. -- BERNAMA

RAZ RON